



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

POLISI USM TERHADAP PLAGIARISME

HAK CIPTA © UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KELULUSAN SENAT: 21 FEBRUARI 2013

KELULUSAN LEMBAGA GABENOR UNIVERSITI: 16 APRIL 2013

ISI KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
Prakata	i
Mukadimah	1
Skop dan Aplikasi	1-2
Polisi dan Prinsip	2-3
Tatacara	4-5
Tahap Plagiarisme	5-6
Perisian Pengesanan	6-7
Mencipta Kesedaran dan Pendidikan	8
Pihak Berkuasa	8-9
Lampiran 1 Carta Aliran Tatacara Mengendalikan Pertuduhan Salah Laku Plagiarisme	10
Lampiran 2 Carta Aliran Tatacara Mengendalikan Pertuduhan Salah Laku Plagiarisme Tesis Sarjana/PhD Mod Penyelidikan	11
Lampiran 3 Tatacara Mengendalikan Pertuduhan Salah Laku Plagiarisme	12-14
Lampiran 4 Tatacara Mengendalikan Pertuduhan Salah Laku Plagiarisme Tesis Sarjana/PhD Mod Penyelidikan	15
Lampiran 5 Tatacara Pengendalian Piawai bagi Jawatankuasa Penyiasatan Awal	16
Lampiran 6 Tahap Plagiarisme	17
Lampiran 7 Garis Panduan bagi Menentukan Kesignifikanan Plagiarisme	18
Lampiran 8 Borang Aduan Plagiarisme Dalam Talian	19-20
Lampiran 9 Borang Pengesahan Plagiarisme	21
Lampiran 10 Contoh Surat: Jemputan Menghadiri Siasatan	22
Lampiran 11 Borang Laporan Plagiarisme	23
Lampiran 12 Contoh Surat: Pengesahan Plagiarisme	24
Lampiran 13 Contoh Surat: Ketidakesahan Plagiarisme	25
Lampiran 14 Borang Aduan Plagiarisme bagi Siswazah Mod Penyelidikan	26

Lampiran 15 Senarai Semak Plagiarisme	27
Lampiran 16 Garis Masa Penyiasatan	28
Lampiran 17 Glosari Definisi	29-30

PRAKATA

Universiti Sains Malaysia memandang serius perkara berkaitan plagiarisme dan bagi memastikan kualiti akademik dan kewibawaan Universiti terus terpelihara, Jawatankuasa Menggubal Dasar Plagiat Universiti Sains Malaysia ditubuhkan sebagai satu Jawatankuasa di bawah Senat USM, yang bertanggungjawab untuk menggubal satu Polisi berkaitan plagiarisme di Universiti Sains Malaysia.

Polisi USM terhadap Plagiarisme ini mempunyai banyak kepentingannya kepada USM, selaku institusi akademik ulung negara, termasuk sebagai Universiti Penyelidikan dan Universiti APEX yang dikenali umum. Polisi ini adalah menyeluruh dan merangkumi semua warga USM berbanding Polisi sebelumnya yang hanya memfokuskan pelajar USM. Polisi ini bertindak sebagai garis panduan kepada warga USM untuk mengenal pasti perbuatan yang berkait dengan plagiarisme sekaligus menjauhkan warga Universiti daripada terlibat dengan kegiatan ini. Polisi ini juga bertindak untuk mencipta dan menanamkan kesedaran tentang integriti akademik dan penyelidikan, nilai etika dan amalan baik dalam menghasilkan sesebuah karya atau kerja. Hal ini adalah untuk memastikan hasil karya atau kerja yang diterima adalah telus dan berkualiti selaras dengan status USM selaku Universiti APEX dan Universiti Penyelidikan ulung di Malaysia.

POLISI USM TERHADAP PLAGIARISME

1. MUKADIMAH

- 1.1 Reputasi sesebuah institusi akademik bergantung pada keupayaannya untuk mencapai dan melestarikan kecemerlangan akademik melalui pelaksanaan integriti akademik. Integriti akademik adalah berasaskan kejujuran, kepercayaan, kesaksamaan, rasa hormat dan kebertanggungjawaban, yang membentuk asas kepada kesemua hasil karya akademik. Nilai-nilai ini memandu tingkah laku setiap orang dalam masyarakat Universiti yang termasuk, tetapi tidak terhad, kepada pelajar, pensyarah, penyelidik dan pentadbir.
- 1.2 Satu daripada aspek hilangnya integriti akademik adalah plagiarisme yang merupakan perbuatan seseorang yang menyatakan sama ada secara bertulis atau medium lain, bahawa sesuatu idea, yang telah diterbitkan ataupun yang belum terbit, penulisan, karya atau ciptaan orang lain, merupakan usaha intelektualnya sendiri tanpa memberi penghargaan atau rujukan jelas tentang pengarang asal atau sumbernya.
- 1.3 Sebahagian besar daripada kerja dan karya akademik dan penyelidikan adalah berbentuk penulisan dan Universiti Sains Malaysia (USM) komited untuk mencegah plagiarisme.
- 1.4 Polisi USM terhadap Plagiarisme (selepas ini dirujuk sebagai Polisi ini) menerangkan komitmen jitu USM untuk menegakkan integriti akademik berkaitan dengan plagiarisme. Ia akan berkuat kuasa apabila terdapat suatu pelanggaran tatakelakuan akademik berkait dengan plagiarisme.
- 1.5 Polisi ini adalah sebagai garis panduan yang bersifat mendidik dan mencegah dan boleh dijadikan asas sekiranya mana-mana warga Universiti melanggar mana-mana peraturan dan undang-undang Universiti.

2. SKOP DAN APLIKASI

- 2.1 Polisi ini adalah terpakai kepada staf, pelajar, dan pihak-pihak berkepentingan lain yang berkaitan dengan Universiti. Apabila plagiarisme berlaku, ia harus jelas bahawa Universiti menganggapnya sebagai satu kesalahan serius yang boleh dikenakan hukuman yang setimpal.
- 2.2 Polisi ini terpakai kepada semua pelajar, bekas pelajar, staf dan bekas staf termasuk felo, pascakedoktoran, sarjana pelawat, dan staf akademik, staf bukan akademik, staf penyelidikan, staf kontrak dan staf sementara yang belajar, berkhidmat atau telah berkhidmat atau telah menamatkan pengajian di Universiti.
- 2.3 Semua warga Universiti hendaklah diberi maklum dan dikemas kini tentang pendirian Universiti terhadap plagiarisme melalui kursus/seminar/bengkel kesedaran dan pendidikan seperti dinyatakan dalam [Seksyen 7](#) (Mencipta Kesedaran dan Pendidikan) Polisi ini. Surat pelantikan (staf akademik dan bukan akademik), surat aku janji (pelajar), surat jemputan (sarjana pelawat, pascakedoktoran, fellow) hendaklah memasukkan satu perakuan bertandatangan yang menyatakan bahawa mereka memahami dan akan mematuhi terma-terma yang digariskan dalam Polisi ini.
- 2.4 Plagiarisme ditakrifkan sebagai satu perbuatan membentangi, memetik, menyalin, memparafrasa atau menyebarkan idea, imej, proses, karya, data, pernyataan sendiri atau orang lain atau sumber tanpa memberi perakuan, rujukan atau petikan yang betul kepada sumber asalnya. Perbuatan plagiarisme termasuk, tetapi tidak terhad, kepada hal-hal berikut:

- a. Memetik secara verbatim (pereplikaan kata demi kata) hasil karya orang lain.
- b. Memparafraza karya orang lain dengan mengubah sesetengah daripada perkataan, atau susunan kata, tanpa memberi perakuan yang sewajarnya kepada sumber asalnya.
- c. Menghantar karya orang lain secara keseluruhan atau sebahagiannya sebagai karya sendiri.
- d. Autoplagiarisme atau swaplagiarisme (*self-plagiarism*) karya sendiri (yang telah diterbitkan) atau karya yang sudah pun dihantar untuk penilaian atau bagi mana-mana anugerah dan menyerahkannya sebagai ciptaan yang baru tanpa memetik kandungan asal.
- e. Perujukan sumber yang tidak mencukupi atau mengelirukan yang membolehkan pembaca menyamak sama ada sesuatu karya itu telah dipetik dengan tepat dan/atau secara adil, justeru membolehkan mereka mengenalpasti sumbangan penulis asal dalam karya yang diserahkan itu.

3. POLISI DAN PRINSIP

Polisi ini hendaklah dirujuk bersekali dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Statut, Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti yang lain, termasuk semua pindaan yang berkaitan. Polisi ini menyokong, tetapi tidak mengetepikan atau menggantikan hak dan kewajipan staf dan pelajar di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang dikuatkuasakan di Malaysia.

3.1 Tujuan

Polisi ini mempunyai objektif seperti berikut:

- (a) Untuk mencipta dan menanamkan kesedaran dalam kalangan warga Universiti tentang integriti akademik dan penyelidikan, nilai etika dan amalan baik. Staf dan pelajar mesti berupaya mengenalpasti bahawa plagiarisme adalah satu pelanggaran hak integriti dan boleh mencemarkan reputasi Universiti. Universiti mempunyai kewajipan berhubung dengan plagiarisme, dan memulakan langkah bersifat mendidik dan mencegah yang lebih berkesan. Justeru, kesedaran kepada staf dan pelajar akan merupakan satu daripada komponen penting Polisi ini.
- (b) Untuk memberi panduan kepada staf dan pelajar Universiti supaya dapat mengenalpasti isu berkaitan dengan plagiarisme dan salah laku akademik yang mungkin timbul dalam pekerjaan atau perkaitan mereka dengan Universiti. Polisi ini digubal untuk memberitahu warga akademik tentang kewajipan mereka mencegah plagiarisme dalam karya akademik sepertimana ditakrifkan dalam Seksyen 2 (Skop dan Aplikasi). Semua staf dan pelajar mesti mengetahui dan mematuhi Polisi ini. Mana-mana individu yang dianggap telah melanggar Polisi ini boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti diperihalkan dalam Seksyen 4 (Tatacara) dokumen Polisi ini.

Nota:

Plagiarisme seperti yang ditakrifkan oleh:

- 1) http://www.ox.ac.uk/students/course_guidance_supervision/goodpractice/about
- 2) <http://www.mq.edu.au/glossary/term/Plagiarism>
- 3) <http://www.admin.cam.ac.uk/univ/plagiarism>
- 4) <http://www.admin.cam.ac.uk/univ/plagiarism/students/statement.html>

- (c) Untuk merekod dan menyenggara perbuatan plagiarisme dalam Daftar Integriti Akademik (AIR) USM bagi
 - (i) pelajar - masukkan kesalahan dan rekod akan disimpan dan disenggarakan dalam daftar ini selama 10 tahun, atau lima tahun selepas berijazah/penamatan khidmat, mengikut yang mana lebih kemudian.
 - (ii) staf - masukkan kesalahan dan rekod akan disimpan dan disenggarakan dalam daftar ini selama perkhidmatannya dan untuk minimum lima tahun selepas persaraan/peletakan jawatan/penamatan khidmat.

3.2 Amalan Akademik yang Baik

(a) Integriti Akademik

Universiti mempunyai banyak kewajipan dalam mengejar kecemerlangan untuk bertindak secara bertanggungjawab dengan integriti, kejujuran dan kesaksamaan berseesuaian dengan piawaian teknik dan profesional berkaitan yang diperlukan.

Semua pihak hendaklah membantu Universiti untuk mencegah sebarang salah laku yang merangkumi salah guna data, mencuri idea atau plagiarisme secara terang-terangan, mengganggu dengan sengaja dan gagal bertindak dengan integriti dalam penciptaan, perkembangan, aplikasi dan penggunaan ilmu pengetahuan, idea dan maklumat berhubung dengan karya orang lain.

(b) Harta Intelek (IP)

Universiti mempertahankan perlunya menjaga harta intelektualnya (IP), dengan kefahaman terutamanya yang diasaskan kepada kemoralan, disokong oleh pertumbuhan sains dan ekonomi, dan kemungkinan insentif pada masa hadapan. Hal ini termasuk semua aset yang tercipta daripada penyelidikan, inovasi, reka cipta dan output kreatif Universiti serta pengurusan, penciptaan, perlindungan, pengkomersialan, eksploitasi dan pengembangan hak-hak yang sepeertinya.

Semua perkara yang berkaitan dengan IP dalam Universiti dikawal selia melalui Polisi Harta Intelek USM.

3.3 Kesaksamaan dan Keadilan Asasi

- (a) Polisi ini akan mematuhi prinsip-prinsip kesaksamaan dan keadilan asasi bagi semua pihak yang terlibat. Bagi memastikan amalan daripada prinsip kesaksamaan dan keadilan asasi dilaksanakan, Universiti akan mengambil kira peruntukan perundangan serta Perlembagaan dan Statut USM yang berkaitan. Pihak berkaitan yang akan mengendalikan sebarang aduan formal haruslah mengamalkan usaha yang wajar dan saksama.
- (b) Semasa menjalankan siasatan terhadap seseorang yang dituduh melakukan plagiarisme, Universiti hendaklah mematuhi prinsip-prinsip kesaksamaan dan keadilan asasi, dan khususnya:
 - i. Akan memberikan kepada pihak yang dituduh secara bertulis, perincian tentang dakwaan salah laku terhadap dirinya, termasuk satu salinan sebarang dokumen yang diserahkan sebagai bukti oleh pihak pengadu;
 - ii. Akan memberikan kepada pihak yang dituduh peluang untuk didengar;
 - iii. Akan membenarkan pihak yang dituduh untuk menghadirkan diri di sepanjang temu duga (kecuali diketepikan oleh pengadu kerana sengaja mengganggu prosiding); dan
 - iv. Akan memberikan kenyataan sebab bagi sebarang keputusan, yang akan termasuk satu perihalan fakta dan bukti yang menjadi asas kepada keputusan yang dibuat.

4. TATACARA

4.1 Mengendalikan Pertuduhan

Dalam pengendalian sesuatu pertuduhan tentang salah laku plagiarisme, Pejabat Ombudsman dan Jawatankuasa Penyiasatan Awal akan mengendalikan pertuduhan ini. Pada semua peringkat ini, kerahsiaan yang ketat mesti dikekalkan. Perincian tentang tatacara yang terlibat digambarkan dalam **LAMPIRAN 1** dan **LAMPIRAN 2** dan diperjelaskan dalam **Tatacara Mengendalikan Pertuduhan Salah Laku Plagiarisme (LAMPIRAN 3 dan 4)**.

4.2 Jawatankuasa Penyiasatan Awal

(a) Penyiasatan awal berhubung plagiarisme akan dianggap perlu apabila sesuatu kes dilaporkan kepada Pihak Berkuasa Universiti. Apabila mengendalikan sesuatu penyiasatan awal, Jawatankuasa akan mematuhi **Tatacara Pengendalian Piawai bagi Jawatankuasa Penyiasatan Awal** (lihat **LAMPIRAN 5**).

(b) Ahli Jawatankuasa Penyiasatan Awal

Pengerusi Jawatankuasa Penyiasatan Awal ditentukan berdasarkan kepada status individu yang dituduh, sementara ahli jawatankuasanya akan dikekalkan.

i. Pelajar Prasiswazah:

Jawatankuasa Penyiasatan Awal akan dipengerusikan oleh Timbalan Dekan/Pengarah (Akademik) Pusat Pengajian/Pusat/Institut yang berkenaan.

ii. Pelajar Siswazah:

Jawatankuasa Penyiasatan Awal akan dipengerusikan oleh Timbalan Dekan/Pengarah (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah) Pusat Pengajian/Pusat/Institut yang berkenaan.

iii. Staf:

Jawatankuasa Penyiasatan Awal akan dipengerusikan oleh Dekan/Pengarah Pusat Pengajian/Pusat/Institut yang berkenaan.

Sekiranya berlaku konflik kepentingan, Pengerusi atau mana-mana ahli Jawatankuasa hendaklah menarik diri daripada Jawatankuasa ini. Dalam keadaan yang sedemikian, Pengerusi/ahli akan dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (TNC A&A).

(c) Ahli Jawatankuasa

i. Pengerusi

ii. Ahli Majlis Pusat Pengajian/Pusat/Institut (daripada program yang berkaitan)

iii. Ahli Luaran (dari dalam USM) dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (TNC A&A)

iv. Wakil daripada Pejabat Perundangan USM

v. Penolong Pendaftar Pusat Pengajian/Pusat/Institut (Setiausaha)

4.3 Jawatankuasa Tatatertib

Sebarang kesalahan akan dirujuk kepada Universiti untuk siasatan penuh oleh Jawatankuasa Penyiasatan Awal. Hal ini akan disalurkan kepada jawatankuasa-jawatankuasa berikut bergantung kepada status individu yang dituduh. Bidang tugas dan undang-undang serta peraturan sedia ada akan terpakai.

(a) Jawatankuasa Tatatertib Staf

(b) Jawatankuasa Tatatertib Pelajar

4.4 Jawatankuasa Pemandu

USM akan melantik sebuah Jawatankuasa Pemandu untuk memantau, menyelia dan merangka cadangan tentang perkembangan semasa berhubung dengan semua perkara yang berkaitan dengan plagiarisme. Ahli Jawatankuasa Pemandu akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun. Mesyuarat akan dijalankan oleh Unit Integriti Akademik yang akan bertindak selaku Urusetia. Ahli Jawatankuasanya terdiri daripada:

- i. TNC A&A: Pengerusi
- ii. Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi
- iii. Penasihat Undang-Undang
- iv. Dua (2) wakil Senat USM yang dilantik oleh Naib Canselor
- v. Dekan, Institut Pengajian Siswazah
- vi. Pengarah, Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik
- vii. Seorang (1) wakil daripada Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM
- viii. Seorang (1) wakil daripada Majlis Perwakilan Pelajar
- ix. Pendaftar/Wakil: Setiausaha

5. TAHAP PLAGIARISME

Plagiarisme boleh dilihat dari segi:

- i. Darjah kesamaan [kuantitatif] seperti yang ditentukan oleh perisian pengesan. Hal ini boleh dikaitkan dengan tahap plagiarisme yang berbeza.
- ii. Tahap plagiarisme [kualitatif/deskriptif] (**LAMPIRAN 6: Tahap Plagiarisme**).

Faktor-faktor berikut hendaklah dipertimbangkan semasa menyasiat serta menentukan kesignifikanan plagiarisme tersebut. USM mengambil perhatian bahawa plagiarisme boleh berlaku kerana kurangnya pengetahuan tentang kelaziman akademik dan pertuduhan plagiarisme akan dipertimbangkan dalam konteks faktor-faktor berikut:

- i. kesignifikanan plagiarisme (**LAMPIRAN 7: Garis Panduan bagi Menentukan Kesignifikanan Plagiarisme**);
- ii. niat dan/atau motivasi individu berkenaan;
- iii. faktor mitigasi seperti:
 - a. peringkat/tahap program akademik;
 - b. bilangan kesalahan lalu;
 - c. latar belakang akademik/pendidikan individu berkenaan;
- iv. kelaziman akademik dalam bidang yang berkaitan;
- v. impak sesuatu kesudahan terhadap perkembangan seseorang;
- vi. maklumat yang diberikan kepada individu berkenaan tentang integriti akademik; dan
- vii. jika berkaitan, sebarang maklumat tentang individu berkenaan.

5.1 Tahap Plagiarisme

Tindakan yang perlu diambil akan berpandukan tahap (**LAMPIRAN 6: Tahap Plagiarisme**) berikut:

Tahap Satu

Takat plagiarisme pada tahap ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada petikan, perujukan atau pemparafrasaan yang tidak lengkap atau mengelirukan, bukan kerana niat untuk menipu. Pada tahap ini, plagiarisme berlaku kerana kurangnya pengetahuan tentang plagiarisme, cara menyesuaikan diri dengan kehendak kejujuran dan integriti akademik,

atau kerana kecuiaan atau pengabaian. Pada tahap ini, plagiarisme tidak dianggap menjurus kepada salah laku akademik. Jika ia tergolong dalam Tahap Satu, maka pesalah berulang akan dikelaskan semula sebagai pesalah Tahap Dua atau Tahap Tiga.

Tahap Dua

Takat plagiarisme pada tahap ini termasuk tindakan yang tidak sesuai atau menipu kerana kejahilan tentang kejujuran dan integriti akademik, dan terdapat pengetahuan yang mencukupi tentang kejujuran dan integriti. Ia juga akan dikelaskan sebagai Tahap Dua jika jelas bahawa ada niat untuk memperdaya atau menipu melalui plagiarisme. Plagiarisme pada tahap ini dianggap satu daripada salah laku akademik.

Tahap Tiga

Takat plagiarisme pada tahap ini termasuk karya yang ditiru, yang terhasil daripada niat yang jelas untuk memperdaya melalui plagiarisme. Plagiarisme Tahap Tiga dianggap sebagai salah laku akademik. Pesalah berulang daripada Tahap Dua akan dikelaskan sebagai pesalah Tahap Tiga.

Tahap Empat

Takat plagiarisme pada tahap ini melebihi keraguan munasabah yang termasuk kerja diciplak yang substantif, yang terbukti daripada kesamaan yang banyak (sepertimana yang dibuktikan melalui perisian pengesan yang boleh dipercayai), yang timbul daripada niat menipu yang tidak dapat dinafikan. Plagiarisme Tahap Empat dianggap salah laku akademik. Pesalah berulang daripada Tahap Tiga akan dikelaskan sebagai pesalah Tahap Empat.

6. PERISIAN PENGESAN

USM menyokong penggunaan perisian teknologi untuk mencegah dan mengesan plagiarisme, dan akan menggalakkan secara aktif penggunaan perisian-perisian ini dalam pengajaran dan pembelajaran. Universiti akan sentiasa memantau dan menambahbaik pelaksanaan perisian-perisian ini sepertimana ia sepatutnya digunakan. Hal ini mustahak untuk memastikan bahawa keperluan warga akademik Universiti dipenuhi.

6.1 Perisian

Perisian yang direka bentuk bagi mengesan dan melaporkan peratusan kesamaan, berasaskan algoritma khusus, yang terdapat sama ada secara komersial atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, peratusan kesamaan tidak menunjukkan peratusan plagiarisme. Perkara ini mungkin juga boleh dilanjutkan untuk memasukkan kaedah pengesanan yang lain (katakan, individu yang mahir dalam bidang ini).

Kesemua usaha ini adalah sebagai panduan, bukan satu penilaian yang muktamad tentang keaslian karya.

6.2 Tujuan

Tujuan perisian pengesan ini di USM adalah seperti yang disenaraikan berikut:

- i. memantau perbuatan plagiarisme.
- ii. menghadkan atau mencegah amalan plagiarisme.
- iii. membantu warga akademik dalam sesetengah aspek etika penerbitan.
- iv. memudahkan penyiasatan kejadian plagiarisme.
- v. mendidik dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan pelajar dan staf tentang amalan akademik yang baik.

6.3 Penggunaan Perisian Pengesan

(a) Mendidik Pengguna tentang Penggunaan Perisian Pengesan yang Betul

- i. Menyedari bahawa penggunaan perisian pengesan ini bukanlah sekadar satu permainan “serah dan tunggu.”
- ii. Pengguna digalakkan supaya membaca manual (mana yang sesuai) dan memahami manfaat daripada penggunaan perisian ini.
- iii. Pengguna perlu memahami perkara yang dijana oleh perisian ini. Umpamanya, “laporan keaslian” yang dijana oleh sesetengah perisian pengesan dapat dijadikan sebagai panduan, bukan penilaian muktamad keaslian karya.
(Nota: Peratusan kesamaan tidak menunjukkan peratusan plagiarisme).

(b) Tanggungjawab Pengguna

- i. Ketika menggunakan perisian ini, pengguna haruslah diberi peringatan untuk menggunakannya dengan penuh tanggungjawab.
- ii. Pengguna perlu memahami tujuan penggunaan perisian-perisian pengesan ini. Lihat [Seksyen 6.1](#) dan [Seksyen 6.2](#).

Pelajar

- a. Pelajar hendaklah diberitahu tentang piawaian Universiti terhadap kejujuran akademik dan plagiarisme.
- b. Pelajar dijangka mempunyai kemahiran menulis, yang seharusnya sentiasa digilap. Konsep ini adalah baik, yang mungkin bermula dengan, katakan, pengumpulan pengetahuan melalui bacaan kehujahan, komposisi idea, keaslian pemikiran, penghalusan melalui perbincangan kritis, dan sebagainya, sebelum diterjemahkan ke atas kertas. Ini adalah sebahagian daripada usaha melindungi “Kekudusan Ilmu.”
- c. Untuk memastikan pelajar tidak bergantung kepada perisian pengesan dan menyalahgunakannya dengan cara yang mungkin memesongkan mereka daripada menghayati dan memahami kekudusan ilmu, USM mengambil pendekatan bersifat pendidikan bagi pelajar, berhubung dengan cara mereka menggunakan perisian pengesan ini.
- d. Keadaan ini telah mendesak Universiti supaya membuka peluang kepada pelajar untuk menggunakan perisian ini bagi memastikan mereka mendapat latihan akademik yang baik.

Staf

- a. Amalan akademik yang baik dijangka akan difahami dan diamalkan oleh semua staf dalam Universiti.
- b. USM mengambil pendekatan mendidik staf menggunakan perisian ini untuk mencapai keserjanaan yang bermutu tinggi.
- c. Universiti akan memberikan capaian penuh untuk staf menggunakan perisian ini.
- d. Sesuai dengan amalan akademik yang baik, staf hendaklah diingatkan bahawa penggunaan perisian ini bukanlah satu pengganti, tetap satu tambahan untuk penyediaan yang baik.

7. MENCIPTA KESEDARAN DAN PENDIDIKAN

Unit Integriti Akademik (AIU) yang ditempatkan di Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik, dengan sokongan staf yang berdedikasi akan menyalia program kesedaran dan pendidikan.

Proses penciptaan kesedaran dan pendidikan ditumpukan kepada usaha-usaha:

- i. mencegah plagiarisme.
- ii. menerangkan implikasi dan inferens plagiarisme semasa proses penulisan.
- iii. memberi penerangan tentang proses yang terlibat sebaik sahaja plagiarisme dikesan.
- iv. mentafsirkan dan memberi kefahaman tentang laporan perisian pengesan.

7.1 Pencegahan Plagiarisme

AIU akan merancang dan melaksanakan strategi bagi mencegah plagiarisme dengan:

- i. menanam satu budaya akademik yang memfokuskan kepada integriti akademik.
- ii. memastikan dan memahami pelbagai faktor akademik dan bukan akademik yang menjurus ke arah perbuatan plagiarisme dan memperkenalkan langkah yang sesuai.
- iii. menubuhkan satu pasukan jurulatih yang berkelayakan.

AIU akan mengendalikan program latihan dan kesedaran kepada warga Universiti melalui:

- i. Bengkel/Seminar/Kursus Jangka Pendek;
- ii. Kursus Integriti Akademik (kursus Universiti 1 unit; wajib bagi semua pelajar berdaftar);
- iii. Buku panduan;
- iv. Laman sesawang;
- v. Pengumuman berkala;
- vi. Bahan publisiti.

7.2 Proses Penulisan

AIU akan menyediakan khidmat berikut untuk memudahkan proses ini:

- i. Peluang menggunakan perisian.
- ii. Khidmat perundingan.
- iii. Memperkenalkan penyemakan untuk plagiarisme dalam bentuk terjemahan daripada bahasa-bahasa lain.

8. PIHAK BERKUASA


Pemilik Polisi	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (TNC A&A)
Pegawai Polisi bertanggungjawab	Pegawai Tadbir Paling Kanan di Pejabat TNC A&A
Diendors oleh	Mesyuarat ke-219 Senat pada 21 Februari 2013
Diluluskan oleh	Mesyuarat ke-91 Lembaga Gabenor Universiti (LGU) pada 16 April 2013

Akta yang Berkuatkuasa	<ul style="list-style-type: none"> a. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 b. Perlembagaan Universiti Sains Malaysia c. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) d. Kaedah Tatatertib Pelajar
Tarikh kuatkuasa	Semua aduan yang diterima selepas tarikh ini akan ditadbir oleh Polisi ini
Tarikh semakan semula	Dari semasa ke semasa mengikut keperluan berdasarkan peraturan Senat sedia ada
Pihak yang boleh dihubungi untuk pertanyaan tentang Polisi	Pejabat Perundangan, USM


Nota:

- 1) Universiti boleh mengambil tindakan pentadbiran yang sesuai untuk melaksanakan Polisi ini agar mengambil hasrat dan tujuan Polisi ini dilaksanakan.
- 2) Sekiranya terdapat percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Pusat Pengajian/Pusat/Institut	Tindakan
Jabatan Pendaftar	Memastikan surat pelantikan (staf akademik dan bukan akademik), surat aku janji (pelajar), surat jemputan (sarjana pelawat, pascakedoktoran, fellow) memasukkan satu perakuan bertandatangan yang menyatakan bahawa mereka memahami dan akan mematuhi terma-terma yang digariskan dalam Polisi ini.



Carta aliran tatacara mengendalikan pertuduhan salah laku plagiarisme



Carta aliran tatacara mengendalikan pertuduhan salah laku plagiarisme tesis Sarjana/PhD Mod Penyelidikan

TATACARA MENGENDALIKAN PERTUDUHAN SALAH LAKU PLAGIARISME

Pengenalan

Berikut adalah perincian tentang langkah yang perlu diambil sebaik sahaja perbuatan plagiarisme terbongkar dan bagi mengendalikan kes-kes yang disyaki plagiarisme. Langkah ini hendaklah diambil serta-merta dan dengan penuh kerahsiaan dan integriti.

Sebaik sahaja terbongkarnya salah laku atau plagiarisme

1. Pengadu hendaklah memfailkan satu aduan bertulis dengan menggunakan **Borang Aduan Plagiarisme Dalam Talian (LAMPIRAN 8)** kepada Pejabat Ombudsman USM. Laporan tersebut mestilah bertulis dan harus mengandungi:
 - i. dokumentasi yang ditandai untuk menunjukkan karya yang disyaki dicitlak;
 - ii. dokumentasi sumber berkenaan (juga ditandai); dan
 - iii. sumbangan karya tersebut kepada gred keseluruhan karya berkenaan.
2. Pejabat Ombudsman akan mengambil tindakan berikut:
 - i. Mengesahkan identiti pengadu dan individu yang dituduh;
 - ii. Menyusun bukti yang diserahkan;
 - iii. Memastikan kerahsiaan kes berkenaan;
 - iv. Kes bersama-sama dengan bukti yang diserahkan akan dihantar kepada pegawai di Pusat Pengajian/Pusat/Institut individu yang dituduh dengan cara yang selamat.
 - Jika individu yang dituduh merupakan pelajar prasiswazah, pegawainya ialah Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (Akademik). Dokumen berkenaan juga disalinkan kepada Dekan.
 - Jika individu yang dituduh ialah seorang siswazah, pegawainya ialah Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah). Dokumen berkenaan juga disalinkan kepada Dekan.
 - Jika individu yang dituduh ialah staf, pegawainya ialah Dekan/Pengarah. Dokumen berkenaan juga disalinkan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
 - v. Mengambil tindakan berikut sebaik sahaja menerima **Borang Pengesahan Plagiarisme (LAMPIRAN 9)** daripada sama ada Jawatankuasa Tatatertib Pelajar/Staf,
 - menghantarkan satu salinan Surat Keputusan – Pengesahan Plagiarisme / Ketidakesahan Plagiarisme kepada pengadu.
3. Pusat Pengajian/Pusat/Institut akan mengambil tindakan berikut:
 - i. Individu yang ditugaskan akan mengesahkan bahawa individu yang dituduh ialah ahli/bekas ahli institusi tersebut.
 - ii. Memaklumi Dekan/Pengarah Pusat Pengajian/Pusat/Institut tentang pertuduhan dan identiti individu yang dituduh.
 - iii. Menggantung markah penerbitan bagi karya yang dipersoalkan tersebut.
 - iv. Memberitahu individu yang dituduh secara bertulis bahawa markahnya atau karyanya sedang di bawah penyiasatan kerana disyaki terlibat dengan plagiarisme dan menetapkan satu tarikh untuk individu berkenaan hadir pada satu siasatan. Surat

tersebut hendaklah dihantar kepada staf/pelajar berkenaan sekurang-kurangnya 5 hari bekerja sebelum tarikh siasatan berkenaan untuk memberi notis secukupnya. Lihat **Contoh Surat: Jemputan Menghadiri Siasatan (LAMPIRAN 10)**.

- v. Memberitahu individu yang dituduh secara bertulis haknya membela diri.
- vi. Membentuk satu Jawatankuasa Penyiasatan Awal untuk menentukan sama ada kes tersebut harus dibawa kepada Jawatankuasa Tatatertib Pelajar/Staf.
- vii. Tatacara yang perlu diambil oleh Jawatankuasa Penyiasatan Awal:
 - Kendalikan kes-kes disyaki dengan penuh kerahsiaan dan integriti.
 - Tentukan tarikh siasatan.
 - Patuhi tatacara berikut semasa siasatan
 - Catat minit mesyuarat.
 - Pengerusi hendaklah menjelaskan pertuduhan, tatacara, hak untuk merayu dan memastikan individu yang dituduh memahami tatacara yang digariskan.
 - Memberi peluang kepada individu yang dituduh untuk memberi/menjelaskan pandangannya tentang pertuduhan tersebut dan jika berkaitan, membela tindakannya.
 - Pertimbangkan semua bukti dan penjelasan yang diberikan dan capai satu keputusan semasa mesyuarat tersebut untuk memastikan kesignifikanan plagiarisme.
 - Sebagai tambahan bagi faktor yang digariskan dalam Seksyen 5 (Tahap Plagiarisme) Polisi USM terhadap Plagiarisme, pertimbangkan perkara berikut:
 - Bilangan kesalahan lepas.
 - Dalam kes pelajar, peringkat pengajiannya dan pengetahuan tentang tatacara, amalan dan peraturan Universiti – sebagai contoh, pelajar prasiswazah atau siswazah tahun akhir seharusnya lebih peka tentang isu-isu berkaitan plagiarisme dan Polisi USM terhadap Plagiarisme.
 - Dalam kes staf, tempoh berkhidmat dengan Universiti dan kesedarannya tentang Polisi USM terhadap Plagiarisme.
 - Peratus sumbangan karya tersebut kepada keseluruhan penilaian.
 - Kesignifikanan plagiarisme, umpamanya, beberapa baris atau satu perenggan boleh dianggap kecil, manakala beberapa perenggan dan tindakan sengaja dianggap sebagai lebih serius. Jawatankuasa dinasihati supaya merujuk kepada **LAMPIRAN 6** berkenaan **Tahap Plagiarisme**.
- viii. Jika kesalahan tersebut sebagaimana ditentukan oleh Jawatankuasa Penyiasatan Awal tidak serius (Tahap 1), tindakan seperti berikut boleh dicadangkan:
 - Beritahu individu yang dituduh secara bertulis tentang keputusan berkenaan.
 - Keluarkan satu surat amaran.
 - Kaunseling oleh Timbalan Dekan Pusat Pengajian/Pusat/Institut, Unit Integriti Akademik atau Institut Pengajian Siswazah.
 - Jika kesalahan itu melibatkan seorang pelajar, karya yang dipersoalkan hendaklah digredkan mengikut aturan biasa tanpa penalti.

- Laporkan kepada Unit Integriti Akademik dan Pejabat Ombudsman supaya memasukkan nama pesalah ke dalam Daftar Akademik Pusat (lihat **Borang Pengesahan Plagiarisme (LAMPIRAN 9)**).
- ix. Jika kesalahan tersebut sebagaimana ditentukan oleh Jawatankuasa Penyiasatan Awal adalah serius (Tahap 2 hingga 4), Timbalan Dekan/Pengarah atau Dekan/Pengarah Pusat Pengajian/Pusat/Institut mestilah membawa kes tersebut kepada Jawatankuasa Tatatertib Pelajar/Staf. Satu laporan bertulis tentang hasil penyiasatan Jawatankuasa Penyiasatan Awal dan semua bukti dan kertas berkaitan mestilah dilampirkan. Perincian tentang latar belakang pelajar/staf dan kemajuan dan syarat-syarat kursus atau program (jika berkaitan) mestilah diberikan menggunakan **Borang Laporan Plagiarisme (LAMPIRAN 11)**.
4. Jawatankuasa Tatatertib Staf/Pelajar akan mengambil tindakan berikut:
- i. Ahli Jawatankuasa Tatatertib Pelajar/Staf diharap akan mengendalikan kes yang disyaki dengan penuh kerahsiaan dan integriti.
 - ii. Meneliti laporan daripada Jawatankuasa Penyiasatan Awal.
 - iii. Memastikan kesignifikanan plagiarisme dengan mempertimbangkan isu-isu yang digariskan sebelum ini bagi Jawatankuasa Penyiasatan Awal.
 - iv. Jawatankuasa Tatatertib Pelajar/Staf perlu bertindak mengikut AUKU (Seksyen 3), Pelembagaan USM 2011 (Seksyen 63 dan Seksyen 73 (I & II)) bagi pelajar-pelajar semasa dan pelajar-pelajar yang telah berijazah; Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) bagi staf.
 - v. Jawatankuasa mestilah memastikan **Tahap Plagiarisme** seperti diperihalkan dalam **LAMPIRAN 6**.
 - vi. Keputusan bagi kes-kes yang melibatkan Tahap 2 hingga 4, Jawatankuasa mesti melaporkannya kepada Unit Integriti Akademik dan Pejabat Ombudsman supaya memasukkan nama pesalah ke dalam Daftar Akademik Pusat menggunakan **Borang Pengesahan Plagiarisme (LAMPIRAN 9)**.
 - vii. Jawatankuasa Tatatertib Pelajar/Staf hendaklah memberitahu individu yang dituduh keputusannya secara bertulis dalam tempoh 5 hari bekerja (Lihat **Contoh Surat: Pengesahan Plagiarisme/Ketidakesahan Plagiarisme (LAMPIRAN 12 dan 13)**). Individu yang dituduh mestilah diberitahu tentang haknya untuk merayu kepada Universiti.

TATACARA MENGENDALIKAN PERTUDUHAN SALAH LAKU PLAGIARISME TESIS SARJANA/PHD MOD PENYELIDIKAN

Panduan bagi Pemeriksa dan Panel Pemeriksa Tesis

Pengenalan

Garis panduan ini menyediakan panduan tambahan bagi tatacara seperti yang telah ditetapkan oleh Universiti, untuk Pemeriksa dan Panel Pemeriksa Tesis.

Sebaik sahaja terbongkarnya salah laku atau plagiarisme

1. Jika seseorang pemeriksa (dalam atau luaran) mengesyaki bahawa seseorang pelajar itu telah menciplak karya orang lain untuk tesis Sarjana/PhDnya, satu laporan bercetak yang memperincikan buktinya haruslah dibuat serta-merta kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS) menggunakan **Borang Aduan Plagiarisme bagi Siswazah Mod Penyelidikan (LAMPIRAN 14)**.
2. Satu mesyuarat/*viva voce* Panel Pemeriksa Tesis hendaklah diadakan bagi membincangkan pertuduhan selepas semua laporan pemeriksaan tesis diterima.
3. Panel Pemeriksa Tesis akan membincangkan laporan tersebut dengan mempertimbangkan takat kuantitatif dan kualitatif pertuduhan dan memutuskan sama ada ia boleh ditafsirkan sebagai amalan akademik yang tidak baik atau satu perbuatan plagiarisme. Semasa membuat keputusan, panel boleh mempertimbangkan dan mengenalpasti takat sumbangan pelajar berkenaan bagi karyanya yang dipersoalkan.
4. Jika kesalahan itu ditentukan sebagai tidak serius (Tahap 1) oleh Panel Pemeriksa Tesis, tindakan berikut boleh dicadangkan:
 - kaunseling oleh Unit Integriti Akademik atau Institut Pengajian Siswazah.
5. Jika kesalahan itu serius (Tahap 2 hingga 4), plagiarisme disyaki, Panel Pemeriksa Tesis hendaklah mengantung sesi *viva voce* dan memaklumi pelajar tersebut tentang keputusan mereka. Pelajar tersebut boleh diminta menjelaskan karya yang diserahkan itu.
6. Jika plagiarisme disyaki, Pengerusi Panel Pemeriksa Tesis akan melaporkannya kepada IPS menggunakan **Borang Aduan Plagiarisme bagi Siswazah Mod Penyelidikan (LAMPIRAN 14)** dan IPS kemudiannya akan merekodkannya dalam fail pelajar dan menyerahkan satu salinan laporan itu kepada Pejabat Ombudsman, secara dalam talian.
7. Pejabat Ombudsman akan merekodkan aduan tersebut dan merujuk pertuduhan itu secara langsung kepada Jawatankuasa Tatatertib Pelajar.

TATACARA PENGENDALIAN PIAWAI BAGI JAWATANKUASA PENYIASATAN AWAL

Apabila menjalankan satu penyiasatan awal, Jawatankuasa hendaklah

- i. menyemak dengan Unit Integriti Akademik (AIU) sama ada individu yang dituduh telah melakukan kesalahan yang sama sebelum ini.
- ii. berpegang kepada Polisi USM terhadap Plagiarisme sebagai panduan.
- iii. mengumpul, menghimpun dan mengesahkan bukti daripada pengadu untuk menentukan sama ada satu kesalahan telah berlaku.
- iv. berpegang kepada **Senarai Semak Plagiarisme (LAMPIRAN 15)** untuk memastikan bahawa penyiasatan dibataskan kepada karya ciplak yang dituduh sahaja.
- v. berpegang kepada **Garis Masa Penyiasatan (LAMPIRAN 16)** untuk memastikan penyiasatan berjalan pantas dan resolusi yang tepat telah diaplikasikan.
- vi. berpegang kepada **Garis Panduan bagi Menentukan Kesignifikanan Plagiarisme (LAMPIRAN 7)** yang seharusnya menyumbang kepada kesalahan berkenaan (rujuk silang dengan Seksyen 5 (Tahap Plagiarisme).
- vii. merujuk kepada **Glosari Definisi (LAMPIRAN 17)** untuk menentukan jenis kesalahan.
- viii. memastikan bahawa kesemua yang disebutkan sebelum ini akan dijalankan secara penuh kerahsiaan.
- ix. mematuhi tatacara sedia ada bagi penyiasatan yang digariskan dalam Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Seksyen 36 dan 37 (Akta 605)) dan AUKU (Seksyen 16b).
- x. mengeluarkan satu notis dakwaan bertulis kepada individu yang dituduh dan memintanya hadir untuk siasatan.
- xi. memberikan peluang kepada individu yang dituduh untuk berunding/membawa bersamanya seorang penasihat (staf/pelajar) semasa siasatan tersebut.
- xii. memberikan peluang kepada individu yang dituduh untuk mendengar maklumat tentang pertuduhan.
- xiii. memberi segala peluang kepada individu yang dituduh untuk mempertahankan dan membentangkan kesnya kepada Jawatankuasa.
